



SIARAN MEDIA

PERSIDANGAN SINARAN TIDAK MENGION (ICNIR 2022)

BUTTERWORTH, 21 September 2022 - Persidangan Sinaran Tidak Mengion, anjuran Agensi Nuklear Malaysia dan ICNIR 2022 merupakan kali ke 10 penganjurannya pada tahun ini. Ia disokong oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), SUK Pulau Pinang, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP), Malaysia Technical Standards Forum Bhd (MTSFB), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Sarawak Multimedia Authority (SMA).

Sebanyak 19 kertas kerja dibentangkan termasuk 1 ucap tema.

- Tema persidangan; **Memanfaatkan Teknologi NIR dalam Norma Baharu.**
- Skop persidangan – menekankan manfaat aplikasi sinaran tidak mengion (NIR) dan juga aspek keselamatan sinaran tidak mengion (NIR).
- Dalam persidangan ini, peserta akan dapat mengetahui aplikasi NIR serta perkembangan terkini teknologi berkaitan yg merangkumi radio frekuensi (RF), frekuensi lampau rendah (ELF), serta sinaran optik (sinaran Ultraviolet dan laser).
- Peserta dapat mengetahui perkembangan pelaksanaan teknologi 5G di luar negara dan Malaysia, manfaat serta aspek keselamatan dan kesihatan. Selain itu aplikasi sinaran Ultraviolet (UV) juga dibincangkan kerana sinaran UV dilihat penting sejak pandemik covid-19 di mana ianya bermanfaat dalam pembasmian kuman dan virus. Penggunaan sinaran laser dalam bidang perubatan dan aspek keselamatan juga merupakan topik penting persidangan ini. Aspek keselamatan sinaran ELF dalam sistem pengangkutan juga akan dibentangkan.

- Persidangan kali ini juga disertai oleh para ahli akademik yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam kemajuan dan perkembangan sinaran tidak mengion di dalam dan luar negara. Selain itu, pihak pengawal selia, pemain industri, agensi kerajaan dan swasta juga menyertai persidangan ini bagi berkongsi maklumat terkini, garis panduan dan dapatan kajian penyelidikan bidang NIR.

Di samping menyediakan peluang luas kepada para peserta yang terlibat dalam aktiviti sinaran tidak mengion di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, persidangan ini adalah sebagai platform untuk para peserta untuk mendapatkan maklumat terkini secara terus daripada pakar-pakar dan penggubal-penggubal dasar dan standard. Melalui persidangan ini, pembentangan oleh pakar-pakar akan membuka ruang perkongsian dua hala mengenai perkembangan terbaru di dalam bidang NIR dan mempertingkatkan amalan keselamatan organisasi masing-masing.

Agensi Nuklear merupakan agensi teknikal yang terlibat dalam bidang NIR secara langsung. Peranan kami adalah untuk menangani isu sinaran NIR di Malaysia termasuk;

- Sinaran frekuensi radio medan elektromagnet (RF-EMF)
- Sinaran lampau rendah medan elektromagnet (ELF -EMF)
- Sinaran optik (sinaran UV dan laser).

Aktiviti Nuklear Malaysia dalam bidang NIR adalah;

- ✓ Menjalankan penyelidikan dalam bidang keselamatan NIR di Malaysia.
- ✓ Menjalankan khidmat konsultansi dan bantuan teknikal dalam bidang NIR.
- ✓ Menjalankan latihan dan kursus dalam bidang NIR.
- ✓ Terlibat dengan program kesedaran sinaran tidak mengion.

Nuklear Malaysia bekerjasama dengan pengawalselia iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kementerian Kesihatan, pihak industri, pihak berkuasa tempatan serta kerajaan negeri dalam menangani isu keselamatan, kesihatan dan kepentingan awam berkaitan sinaran tidak mengion. Nuklear Malaysia telah menandatangani dokumen perjanjian persefahaman (MOU) dengan SKMM pada 30 hb Ogos 2022 yang lalu di Putrajaya. Ianya merupakan kerjasama strategik

yang memberi fokus dalam membangunkan program pensijilan berkaitan bidang teknologi, terutamanya dalam telekomunikasi dan penyiaran dan Medan Elektromagnet Frekuensi Radio (RF-EMF), latihan dan penyelidikan. Diharapkan kerjasama ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan antara pihak kerajaan dengan pengawalselia dan seterusnya pihak industri telekomunikasi dalam usaha menangani isu frekuensi radio medan elektromagnet (RF-EMF) di Malaysia.

Nuklear Malaysia juga sedang bekerjasama dengan Wireless Communication Centre (WCC) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menjalankan penyelidikan dedahan medan elektromagnet dari rangkaian 5G di Malaysia. Ianya juga adalah dengan kerjasama SKMM dan pemain industri yang menggerakkan pelaksanaan teknologi dan rangkaian 5G. Selain itu, Nuklear Malaysia juga membangunkan produk dari aplikasi sinaran UV iaitu Ultraviolet germicidal irradiation (UVGI) yang digunakan untuk membasmi kuman dengan menggunakan sinaran ultraviolet C (UVC). Produk ini telah pun diuji, digunakan di hospital dengan nama jenama Lembayung dan sedang dalam usaha untuk dikomersilkan oleh syarikat tempatan.

[TAMAT]

Dikeluarkan oleh:

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

21 September 2022